



19 JUN, 2025

Bantu selesai masalah bekalan elektrik



Harian Metro, Malaysia

Kuala Terengganu: Kerajaan negeri akan membantu untuk menyelesaikan masalah enam keluarga yang tinggal dalam keadaan 'bergelap' akibat ketiadaan bekalan elektrik sejak lebih 30 tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Perpaduan Nasional negeri, Maliaman Kassim berkata, masalah dialami enam rumah didiami 30 ahli keluarga di Kampung Jerlang, Ajil di sini sudah berlarutan lama.

Menurutnya, ini kerana mereka tinggal di kawasan terasing berjarak kira-kira 1.5 kilometer dari Kampung Jerlang, Ajil di sini, selain turut menghadapi masalah bekalan air bersih

Bantu selesai masalah bekalan elektrik

dan jalan berturap.

"Kita sudah mengambil tindakan awal iaitu menyalurkan bekalan air bersih membabitkan peruntukan kira-kira RM280,000 dan membina jalan ke kawasan didiami penduduk.

"Selain itu pegawai Tenaga Nasional Berhad (TNB) sudah melakukan lawatan ke kawasan berkenaan dan diminta memberi keutamaan untuk merealisasikan masalah dihadapi penduduk," katanya.

Katanya, pihaknya juga meminta semua pihak termasuk agensi kerajaan serta syarikat milik kerajaan (GLC) mengambil tindakan menyelesaikan segera la-



MALIAMAN (kanan) ketika menyantuni keluarga yang tinggal dalam keadaan bergelap di Kampung Jerlang, Ajil, Kuala Terengganu. - Gambar NSTP/BAHAROM BAKAR

poran didedahkan demi kesejahteraan rakyat.

Harian Metro sebelum ini menyiarkan enam keluarga terpaksa bergantung kepada generator sejak lebih 30 tahun lalu berikutan ketiadaan bekalan elektrik.

Berikutan itu, ketua isi rumah terpaksa membelanjakan kira-kira RM300 sebulan bagi membeli bahan bakar untuk mengoperasikan generator yang menjadi satu-satunya sumber tenaga mereka.

Bagaimanapun, generator akan digunakan selama lima jam setiap malam, bermula jam 7 malam hingga 11 malam, bagi membolehkan anak-anak mengulang kaji pelajaran dan mengcas telefon.